

**Menteri Luar China Lawat Malaysia Mulai Esok  
Bernama  
10 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar China Yang Jiechi akan melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia mulai esok.

Menurut kenyataan Kementerian Luar Jumaat, lawatan itu sebagai membalas lawatan rasmi Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman ke Beijing, China pada April tahun lepas dan sebahagian daripada siri lawatan Yang ke Asia Tenggara, termasuk Indonesia dan Brunei.

Dalam lawatan itu, Yang dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Anifah dan melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Lawatan itu memberi peluang kepada kedua-dua menteri untuk terus meningkatkan hubungan dua hala dan mengukuhkan kerjasama rapat yang sedia terjalin antara Malaysia dan China.

"Semasa pertemuan itu, kedua-dua menteri dijangka bertukar-tukar pandangan berhubung pelbagai isu semasa dua hala, serantau dan antarabangsa yang melibatkan kepentingan bersama.

"Lawatan itu menegaskan semula kepentingan yang diletak oleh China dalam hubungannya dengan Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sungguhpun kerjasama perdagangan dan ekonomi masih menjadi teras kepada hubungan dua hala, perluasan kerjasama dalam bidang lain seperti kebudayaan, pelancongan, hubungan rakyat dengan rakyat dan keselamatan terus menjadi tunjang hubungan akrab antara kedua-dua negara.

Lawatan itu turut menyumbang ke arah memperkukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-China yang didasari prinsip kesaksamaan, saling hormat menghormati dan hidup bersama dengan aman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687337>